

# **PENGGUNAAN FACEBOOK DI KALANGAN PELAJAR LELAKI DAN PEREMPUAN PADA SEKOLAH MENENGAH DI ZON PETALING JAYA SELATAN**

Oleh :

Norhazlina Abd. Hamid  
Sekolah Menengah Taman Medan, Selangor  
[cikgunamid@gmail.com](mailto:cikgunamid@gmail.com)

Ahmad Fauzi Mohd Ayub  
Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti Putra Malaysia;  
Institut Penyelidikan Matematik, UPM  
[afauzi@educ.upm.edu.my](mailto:afauzi@educ.upm.edu.my)

Norhasni Zainal Abiddin  
Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti Putra Malaysia  
[nonie@putra.upm.edu.my](mailto:nonie@putra.upm.edu.my)

## **ABSTRACT**

*Internet technology has brought about a significant impact for the world at large and provide many benefits to its users. At the very beginning, internet technology may be used to get varieties of information and nowadays it being used as a social networking site. It started with the present of many social sites especially Facebook. This study involved 300 students from three secondary schools in Petaling Jaya Selatan zone, Selangor, Malaysia. The objectives of this study is to identify the Facebook used among male and female students in secondary school. This article concerns about for what purpose is Facebook used; how often do respondents access Facebook; and what activities do they do in Facebook? Result shows that there are no significant differences in Facebook used among male and female students. Results also reveal that students spent at least one hour per day for Facebook used. This study recommends that parents should closely monitor their children in dealing with Facebook issues.*

**Key words:** *Facebook, social site, activity, technology, student, school*

## **PENGENALAN**

Pada satu ketika internet digunakan bagi tujuan berkomunikasi ataupun mencari maklumat. namun kini pengguna menggunakan internet bagi tujuan bersosial ataupun mencari hiburan. Ini disebabkan dengan kehadiran pelbagai laman sosial yang telah mencetus satu fenomena dalam kalangan pengguna Internet. Boyd dan Ellison (2007) mendefinisikan laman sosial sebagai perkhidmatan berasaskan web bertujuan membina profil umum atau separa umum, menghubungkan kepada senarai pengguna lain untuk berkongsi rangkaian hubungan, dan melihat senarai hubungan yang dibuat oleh individu lain dalam sistem tersebut. Laman sosial terawal bermula dengan Friendster pada tahun 2002, dan setelah itu muncul pelbagai laman web sosial lain contohnya MySpace, Bebo, Cyworld, Facebook dan lain-lain lagi (Adham Shadan, 2008). Namun begitu, antara laman yang menjadi kegilaan penggemar laman sosial adalah Facebook. Kewujudan laman Facebook telah menjadi daya penarik untuk pengguna terus melayari internet dalam satu jangka masa yang lama

Facebook pertama kali diperkenalkan oleh Mark Zuckerberg pada bulan Februari 2004. Pada awal pembentukannya, Facebook bertujuan memudahkan interaksi sosial secara eksklusif dalam kalangan pelajar-pelajar di Universiti Harvard. Seterusnya pada tahun 2005 Facebook membuka keahlian kepada pelajar sekolah. Pada tahun 2006 laman Facebook telah membuka keahlian secara umum untuk berkongsi dengan sesiapa sahaja secara percuma (Roblyer, Michelle, Webb, Herman, & Whitty, 2010). Kepopularitian laman Facebook ini telah menyebabkan peningkatan amat ketara dari segi pertambahan jumlah ahli yang berdaftar dalam laman tersebut. Pada September 2009, jumlah keahlian Facebook adalah 300 juta orang diikuti 350 juta orang (Disember 2009) dan 400 juta orang (Februari 2009) (Johardy Ibrahim, 2010). Terkini, jumlah pengguna laman Facebook mencecah 500 juta orang telah mendaftar sebagai ahli Facebook. Sementara itu, dalam satu analisis statistik yang diperoleh daripada Internet World Statistics (2011) berkaitan dengan bilangan pengguna Facebook (rujuk Jadwal 1) menunjukkan Malaysia berada pada tangga ketiga dari segi bilangan ahli Facebook yang mendaftar. Begitu juga dari segi nisbah pengguna Facebook dengan populasi yang juga menunjukkan Malaysia berada di tangga ketiga dengan 31.2% daripada populasi rakyat Malaysia yang mendaftar sebagai ahli Facebook.

Jadual 1 : Bilangan Pengguna Facebook di Negara Asia Tenggara

Negara	Bilangan ahli Facebook	% populasi
Thailand	5,143,240	7.7%
Brunei	172,780	43.7%
Kambodia	13,380	0.8%
Indonesia	27,338,560	11.3%
Laos	61,460	0.9%
Malaysia	8,163,300	31.2%
Filipina	16,235,000	16.3%
Singapura	2,352,400	50%
Vietnam	1,184,380	1.3%

\*Data diperolehi setakai bulan Februari 2011 (Internet World Statistics, 2011)

Kajian ini dijalankan ini bertujuan mengenal pasti masa penggunaan Facebook dalam kalangan pelajar lelaki dan perempuan di tiga buah sekolah berhampiran di Malaysia. Aspek yang dikaji merangkumi tujuan penggunaan Facebook, aktiviti yang dilakukan, jangka masa penggunaan Facebook dan bilangan rakan dalam Facebook antara pelajar lelaki dan perempuan.

## SOROTAN LITERATUR

Facebook merupakan satu utiliti sosial yang dapat membantu individu untuk berkongsi maklumat dan berkomunikasi secara efisien dengan sahabat, keluarga dan rakan sekerja. Facebook menyediakan profil peribadi kepada pengguna yang membolehkan mereka untuk berkomunikasi, berkongsi maklumat, membuat album gambar, membentuk dan menyertai kumpulan sosial serta pelbagai jenis permainan secara atas talian. Keseronokan pengguna membaca dan menulis komen dalam dinding (*wall*) sendiri mahupun dinding rakan mereka membuatkan penggemar Facebook sukar untuk berhenti daripada melayarnya. Selain itu, keseronokan aplikasi permainan ini juga menjadikan pengguna semakin tertarik untuk memilih Facebook

sebagai laman sosial utama mereka. Kini terdapat lebih 100 permainan dalam talian yang terdapat dalam Facebook. Antaranya *FarmVille*, *Quiz*, *Friends For Sale*, *Country Story*, *Restaurant City*, *Mafia War* dan *Pet Society*.

Ketaksuhan pengguna laman Facebook juga boleh memberi implikasi negatif. Mereka yang akses laman Facebook dalam satu jangka masa yang lama boleh menyebabkan mereka mengalami ketagihan kepada laman sosial tersebut. Selain itu, pelbagai pihak akan mengambil kesempatan sama ada meraih keuntungan dengan melakukan penipuan yang bertujuan untuk menimbulkan aib kepada individu tertentu. Selain itu, tidak kurang juga terdapat pengguna yang menggunakan Facebook untuk meluapkan perasaan geram, benci dan sedih mereka terhadap individu tertentu. Apa yang lebih memburukkan adalah apabila Facebook dipanjangkan dengan komentar tidak sepatutnya terutama yang melibatkan hal rumah tangga (Mohamad Isa Abd Ralip, 2010). Dalam satu laporan akhbar berkaitan dengan satu peristiwa pergaduhan yang melibatkan dua rakan baik sehingga menyebabkan salah seorang daripada mereka parah ditikam di sebuah kafe (Tikam Rakan akibat Ejekan dalam Facebook, 2010). Perkara ini semua berpunca daripada komen yang berunsurkan ejek-mengejek dalam laman Facebook masing-masing. Facebook juga sering dijadikan sebagai medium bagi mendapatkan mangsa untuk menjalankan aktiviti berunsurkan jenayah. Sebagai contoh, sebuah sindiket pengedaran dadah antarabangsa dikesan menggunakan laman sosial Facebook untuk menjerat gadis tempatan menjadi “keldai” dadah di luar negara (Gadis tempatan dipikat jadi keldai dadah melalui Facebook, 2010).

Seorang pensyarah di Universiti Oxford, Dr. Susan Greenfield menyatakan obsesi melampau melayari laman sosial dan permainan komputer boleh menjelaskan fungsi otak (Ketagihan Facebook, 2010). Ketagihan ini boleh merubah otak dengan menjelaskan tumpuan dan mengurangkan aspek kepantasan reaksi atau rasa empati. Individu boleh menjadi seorang yang dingin, tidak peka atau tidak sensitif dengan perasaan orang lain disebabkan fungsi otak mereka yang diubah kerana terlalu asyik dengan komputer. Menurut Greenfield lagi, ketagihan laman web sosial dan permainan komputer akan menyebabkan masalah kesihatan seperti obesiti. Pengguna tidak lagi suka bergerak atau bersenam sebaliknya sanggup makan di depan komputer. Apa yang lebih memburukkan keadaan apabila waktu makan juga tidak diendahkan akibat terlalu leka akses kepada Internet.

Pelbagai kajian telah dijalankan berkaitan penggunaan laman sosial Facebook. Kajian yang dijalankan merangkumi pelbagai peringkat umur. Sebagai contoh, Mohd Effendi (2010) dalam kajiannya ke atas pelajar sekolah telah melaporkan bahawa 38% pelajar secara dominan akan menggunakan laman Facebook secara purata 2 jam sehari, 56% telah mempunyai pengalaman menggunakan Facebook selama tiga tahun, anggaran jumlah rakan adalah seramai 201 hingga 300 orang rakan. Sementara itu, dalam satu kajian oleh Rideout, Foehr dan Roberts (2010) ke atas 702 orang responden berumur dalam lingkungan 8 – 18 tahun berkaitan penggunaan media dalam kalangan remaja di Amerika. Kajian beliau mendapati bahawa 25% akan melawat laman web sosial terutamanya MySpace dan Facebook dengan memperuntukkan masa hampir satu jam setiap kali mereka akses laman tersebut. Dalam satu kajian berlainan juga di Amerika Syarikat melalui Pew Internet and American Life Project berkaitan penggunaan laman sosial dalam kalangan 935 orang remaja yang berumur antara 12 hingga 17 tahun mendapati 55% responden telah mempunyai akaun laman sosial (Lenhart & Madden, 2007), 48% akan akses laman sosial beberapa kali setiap hari dan 26% pula akan melawatnya sekurang-kurangnya

sekali sehari. 91% pula menyatakan mereka menggunakan laman sosial bertujuan bagi mengekalkan hubungan dengan rakan dengan remaja lelaki akan lebih menggunakan laman sosial untuk mencari rakan baru.

Crepeau (2009) telah menjalankan kajian melalui laman blognya terhadap 90 orang pengguna Facebook yang terdiri daripada pelbagai peringkat umur dan gender. Kajian beliau mendapat 73% daripada mereka yang dalam lingkungan umur 18 – 24 tahun akan akses Facebook beberapa kali setiap hari. Perbandingan dari segi jantina pula tidak menunjukkan perbezaan ketara dari segi kekerapan mereka akses Facebook. 40- 50 peratus responden lelaki dan perempuan akan akses Facebook beberapa kali sehari dengan 15 – 20 peratus pula akan menggunakan beberapa kali sehari. Aktiviti yang menjadi kekerapan mereka yang akses Facebook pada setiap hari adalah memberi komen dalam dinding (*wall*) dan juga foto, mengemaskini status dan menghantar email melalui FB. Crepeau (2009) dalam kajiannya juga mendapat 69% responden menyatakan mereka akses Facebook untuk tujuan berseronok, 83% untuk berhubung dengan rakan lama dan 86% untuk kekal berhubungan dengan ahli keluarga. Sementara itu, satu kajian dijalankan oleh Shen dan Khalifa (2009) ke atas 70 orang pelajar yang terdiri daripada 35 orang pelajar lelaki dan perempuan di sebuah university swasta di United Arab Emirates berkaitan dengan penggunaan Facebook mendapat pelajar perempuan akan lebih aktif mencari maklumat dan juga melibatkan diri dalam aktiviti yang disediakan dalam Facebook. Pelajar lelaki pula lebih gemar menggunakan Facebook bagi menikmati kebebasan diri dan hiburan. Namun begitu, pelajar lelaki dan perempuan merasakan Facebook adalah medium untuk menjalinkan kerja sama dan juga untuk bersosial. Kajian juga mendapat penggunaan Facebook dalam kalangan pelajar perempuan lebih dipengaruhi oleh professor di universiti tersebut dan juga saudara mara mereka untuk menggunakan Facebook.

Kajian oleh Watkins dan Lee (2010) ke atas 905 orang pelajar kolej (38.9% lelaki dan 61.9% perempuan) di Amerika Syarikat mendapat 50.2% pelajar telah menggunakan Facebook sejak umur antara 14-18 tahun, 38% responden mempunyai antara 1 – 100 orang rakan Facebook dan 48.8% mempunyai antara 101 – 500 rakan Facebook. Sementara itu, 78.8% akan login Facebook pada setiap hari. Dari segi aktiviti yang dilakukan dalam Facebook, pelajar perempuan lebih gemar untuk memberi komen dalam dinding (*wall*) sendiri, memuat naik foto dalam profil sendiri berbanding lelaki. Sementara itu pelajar lelaki pula lebih gemar untuk memuat naik video dan meletakkan *url* aktiviti yang berkaitan dengan hiburan. Namun begitu, dalam kajian beliau tidak menunjukkan sebarang perbezaan antara pelajar lelaki dan perempuan bagi aktiviti-aktiviti seperti memberi komen dalam profil, menghantar mesej, bermain permainan dalam Facebook dan juga membentuk acara. Pelajar perempuan juga lebih gemar untuk berkomunikasi dengan ahli keluarga melalui Facebook dan memuat naik foto aktiviti keluarga berbanding dengan pelajar lelaki.

Memahami pengguna Facebook terutama dari segi tujuan penggunaannya dalam kalangan pelajar adalah penting memandangkan penggunaan Facebook ini agak sukar dikawal. Facebook kini telah menjadi aktiviti rutin setiap kali akses kepada Internet. Kajian juga perlu di lihat dari sudut kekerapan mereka akses kepada laman Facebook, masa yang digunakan setiap kali layari laman sosial tersebut dan juga kekerapan melakukan aktiviti yang disediakan dalam Facebook. Kajian juga perlu dijalankan dari sudut gender memandangkan setiap pengguna yang akses Facebook mempunyai tujuan dan minat masing-masing. Melalui kajian seumpama ini, akan

dapat memberi gambaran kepada pihak tertentu mengapa Facebook ini kian digemari dalam kalangan pengguna lelaki dan perempuan.

### **Metodologi Kajian**

Kajian ini dijalankan menggunakan reka bentuk tinjauan deskriptif yang bertujuan mengenal pasti penggunaan Facebook dalam kalangan pelajar sekolah. Populasi kajian merupakan pelajar tingkatan tiga di tiga buah sekolah menengah di sekitar kawasan Petaling Jaya Selatan. Oleh itu semua, responden berumur dalam lingkungan 15 tahun. Pemilihan ketiga-tiga buah sekolah ini adalah berdasarkan kepada lokasi sekolah yang berhampiran antara satu sama lain yang sekali gus dapat memberi gambaran bahawa ketiga-tiga buah sekolah ini mempunyai persekitaran luaran yang sama. Jumlah populasi kajian di ketiga-tiga buah sekolah adalah seramai 1052 orang. Dalam kajian ini, pengkaji telah menggunakan kaedah pensampelan berstrata bagi mendapatkan gambaran yang lebih jelas berkaitan dengan penggunaan Facebook dalam kalangan pelajar sekolah. Bagi tujuan pensampelan, pengkaji telah merujuk berdasarkan perkiraan oleh Krejcie dan Morgan (1970). Oleh itu, jumlah sampel yang bersesuaian adalah seramai 300 orang yang mempunyai akaun Facebook dengan setiap sekolah adalah terdiri daripada 100 orang. Sampel kajian juga dipilih daripada kalangan pelajar yang mempunyai prestasi akademik yang tinggi, sederhana dan lemah bagi setiap sekolah tersebut.


Kajian yang dijalankan ini menggunakan soal selidik ini akan dianalisis secara deskriptif dan juga analisis inferensi. Instrumen dalam kajian ini terdiri daripada dua bahagian yaitu bahagian demografi pelajar dan penggunaan Facebook. Kedua-dua bahagian ini terdiri daripada item yang dibangunkan oleh penyelidik. Bahagian A bertujuan mendapatkan maklumat peribadi responden. Bahagian B pula adalah bagi mengenal pasti tujuan dan kekerapan aktiviti yang dijalankan semasa melayari laman Facebook, jumlah dan jangka masa yang digunakan untuk melayari laman Facebook. Selain itu, responden juga diminta menyatakan purata masa mereka akses Facebook dalam sehari.

Satu kajian rintis telah dijalankan terlebih dahulu bagi mendapatkan nilai kebolehpercayaan instrumen kajian. Seramai 41 orang pelajar yang mempunyai akaun Facebook di salah sebuah sekolah telah dipilih sebagai responden bagi kajian rintis tersebut. Nilai Alpha Cronbach bagi bahagian berkaitan tujuan penggunaan Facebook adalah 0.811 dan bahagian berkaitan kekerapan melakukan aktiviti dalam Facebook pula adalah 0.873.

### **Dapatan Kajian**

Seramai 300 orang responden daripada ketiga-tiga buah sekolah telah terpilih sebagai responden kajian. Daripada jumlah itu, 159 orang responden (53%) merupakan pelajar lelaki dan 141 orang (47%) pula merupakan pelajar perempuan (rujuk Rajah 1).

Rajah 1 : Bilangan Responden berdasarkan Gender



Analisis seterusnya adalah berkaitan kepada pengalaman responden menggunakan Facebook berdasarkan kepada gender (rujuk Jadwal 2). Walaupun Facebook mulai diperkenalkan pada tahun 2004, namun rata-rata responden hanya mempunyai pengalaman lebih daripada setahun. Daripada jadual 2, responden lelaki (52.8%) dan perempuan (61%) mempunyai pengalaman satu tahun menggunakan Facebook. Seterusnya, kajian juga dijalankan bagi menentukan purata masa yang digunakan oleh responden untuk akses laman sosial Facebook pada waktu persekolahan (Isnin – Jumaat) dan hujung minggu (Sabtu–Ahad) (rujuk Jadual 3 dan 4).

Jadwal 2 : Pengalaman Responden Akses Laman Sosial Facebook

	Lelaki		Perempuan		Jumlah keseluruhan	
	Bil	%	Bil	%	Bil	%
2 bulan	1	0.6	1	0.7	2	0.7
3 bulan	2	1.3	7	5.0	9	3.0
5 bulan	0	0	1	.7	1	.3
6 bulan	22	13.8	25	17.7	47	15.7
1 tahun	84	52.8	86	61.0	170	56.7
1 <sup>½</sup> tahun	7	4.4	0	0	7	2.3
2 tahun	35	22.0	16	11.3	51	17.0
3 tahun	6	3.8	4	2.8	10	3.3
4 tahun	2	1.3	1	0.7	3	1.0
Jumlah	159		141		300	100.0

Jadwal 3 : Purata Masa Akses Laman Facebook Pada Hari Persekolahan (Isnin-Jumaat)

Purata Waktu (sehari)	Lelaki		Perempuan	
	Bil	Peratus	Bil	Peratus
0 – 30 minit	29	18.2	20	14.2
30 minit – 1 Jam	48	30.2	43	30.5
1 Jam – 3 jam	43	27.0	48	34.0
3 Jam – 5 Jam	15	9.4	13	9.2
5 Jam – 7 Jam	13	8.2	10	7.1
Lebih dari 7 jam	11	6.9	7	5.0
Jumlah	159		141	

Pada waktu persekolahan (Isnin – Jumaat) rata-rata responden akan akses laman Facebook antara 30 minit hingga 3 jam sehari. Bagi responden lelaki, 30.2% akan akses Facebook antara 30 minit – 1 jam. Sementara itu, 34% responden perempuan pula akan akses Facebook antara 1 hingga 3 jam.

Jadwal 4 : Purata Masa Akses Laman Sosial Facebook Pada Hujung Minggu (Sabtu dan Ahad)

Purata Waktu (sehari)	Lelaki		Perempuan	
	Bil	Peratus	Bil	Peratus
0 – 30 minit	22	13.8	12	8.5
30 minit – 1 Jam	33	20.8	40	28.4
1 Jam – 3 jam	56	35.2	45	31.9
3 Jam – 5 Jam	13	8.2	20	14.2
5 Jam – 7 Jam	15	9.4	14	9.9
Lebih dari 7 jam	20	12.6	10	7.1
Jumlah	159		141	

Pada hujung minggu pula, responden dilihat akan mengambil kesempatan tidak bersekolah untuk akses laman Facebook dengan lebih lama. Seramai 65.4% responden lelaki dan 63.1% responden perempuan akan akses Facebook lebih daripada satu jam sehari. Namun begitu, responden lelaki (12.6%) lebih ramai melayari Facebook melebihi 7 jam sehari berbanding dengan responden perempuan (7.1%).

Penggemar laman Facebook biasanya akan akses laman tersebut dengan pelbagai tujuan. Ada di antara mereka akan menggunakan laman Facebook untuk berkomunikasi dengan rakan-rakan. Selain itu, ibu bapa juga menjadikan laman Facebook sebagai medium untuk berhubung dengan anak mereka. Melalui enjin carian yang disediakan dalam Facebook juga akan membolehkan mereka mencari rakan-rakan sekolah lama mahupun kenalan baru. Rajah 2 memberi gambaran tujuan penggunaan Facebook antara responden lelaki dan perempuan.

Rajah 2 menunjukkan dari segi tujuan penggunaan laman Facebook tidak jauh beza bagi setiap item yang digunakan antara responden lelaki dan perempuan. Responden lelaki akan lebih menggunakan Facebook untuk mendapatkan maklumat daripada rakan mereka melalui laman Facebook berbanding pelajar perempuan. Responden lelaki juga lebih gemar mencari kenalan baru berbanding pelajar perempuan. Sementara itu, responden perempuan pula akan lebih menggunakan Facebook untuk berkomunikasi dengan rakan lain dan berhubung dengan ahli keluarga mereka. Mereka juga lebih menyatakan bahawa Facebook merupakan gaya hidup remaja terkini. Bagi menentukan sama ada terdapat sebarang perbezaan signifikan bagi tujuan penggunaan laman Facebook ini antara responden lelaki dan perempuan, ujian t tak bersandar digunakan ke atas min keseluruhan tujuan penggunaan Facebook (rujuk Jadual 5).

Rajah 2 : Tujuan Penggunaan Facebook dalam kalangan Responden Lelaki dan Perempuan



Jadwal 5: Ujian-t Tak Bersandar Min Keseluruhan Tujuan Penggunaan Facebook Berdasarkan Gender


Kumpulan	Bilangan	Min	SP	T	Darjah Kebebasan (df)	Signifikan
Lelaki	159	4.03	0.507	0.315	274.76	0.753
Perempuan	141	4.05	0.604			

Dapatan kajian menunjukkan tidak terdapat perbezaan signifikan tujuan penggunaan Facebook antara responden lelaki ( $M=4.03$ ,  $SP=0.507$ ) dengan perempuan ( $M=4.05$ ,  $SP=0.604$ ;  $t(274.76)=0.315$ ;  $p=0.753 > 0.05$ ). Ini bermaksud responden lelaki dan perempuan apabila mereka melayari laman sosial tidak mempunyai sebarang perbezaan dari segi tujuan mereka melayari laman Facebook.

Pelbagai aplikasi menarik telah disediakan dalam Facebook bagi tujuan menarik perhatian pengguna untuk terus akses laman tersebut. Antara aplikasi yang kerap dilakukan adalah memuat naik foto (*Upload Photo*), menulis pada dinding (*Wall*) sendiri dan juga rakan, menambah (*Add*) kenalan baru, membentuk kumpulan (*Group*), menulis acara (*Events*), mengemas kini profil, menghantar Mesej (*Messages*), bermain permainan (*Games*), memuat naik video dan aktiviti bersempang (*Chatting*). Rajah 3 menunjukkan kekerapan responden melakukan aktiviti semasa melayari laman Facebook.


Pada keseluruhannya, dapatan kajian menunjukkan responden lelaki lebih mendominasi dalam hampir keseluruhan aplikasi yang disenaraikan. Responden lelaki mempunyai kekerapan min lebih tinggi bagi aktiviti memuat naik gambar, menulis pada dinding (*Wall*) rakan, menambah kenalan baru, membuat Kumpulan (*Group*) perbincangan, menulis acara (*Events*) dalam Facebook, menghantar mesej (*Messages*), bermain permainan (*Games*), memuat naik video dan bersempang (*Chatting*) dengan rakan. Sementara itu, responden perempuan lebih gemar menulis dalam dinding (*Wall*) sendiri dan melakukan pengemaskinian dalam profil berbanding responden lelaki. Walau bagaimanapun perbezaan bagi setiap aplikasi penggunaan laman Facebook antara kedua-dua responden adalah kecil.

Rajah 3 : Kekerapan Melakukan Aplikasi dalam Laman Facebook Mengikut Gender



Laman Facebook juga menyediakan pelbagai aplikasi permainan atas talian. Keasyikan pengguna Facebook bermain aplikasi permainan ini menyebabkan mereka tidak menyedari bahawa mereka telah melayari Facebook lebih daripada wakt yang dirancang. Antara aplikasi permainan tersebut adalah Cafe World, Country Story, Farmville, Friends For sale, Mafia War, Quiz, dan Restaurant City. Rajah 4 menunjukkan aplikasi permainan yang digemari oleh responden lelaki dan perempuan. Dalam kajian ini responden boleh menandakan lebih daripada satu permainan yang mereka kerap main semasa melayari Facebook.


Rajah 4 : Kegemaran Bermain Aplikasi Permainan Dalam Facebook Mengikut Gender



Merujuk kepada Jadual 4, adalah jelas menunjukkan kegemaran bermain setiap jenis permainan antara responden lelaki dan perempuan adalah hampir sama kecuali permainan Mafia War yang menunjukkan permainan ini lebih digemari oleh responden lelaki. Responden perempuan akan lebih kerap bermain permainan Café World, Friends For Sale, Quiz dan Restaurant berbanding dengan responden lelaki.

Salah satu aplikasi yang terdapat dalam Facebook adalah pengguna boleh menambah rakan Facebook mereka. Penambahan rakan Facebook boleh dilakukan melalui enjin pencarian yang disediakan dalam Facebook. Kecanggihan yang terdapat dalam laman Facebook ini adalah ia dapat mencadangkan pengguna Facebook dengan rakan-rakan yang terdapat dalam Facebook orang lain yang menjadi rakan Facebook mereka. Namun begitu, pengguna perlu memberi persetujuan terlebih dahulu sebelum menerimanya. Justeru, rakan dalam Facebook boleh dikategorikan sebagai rakan yang dikenali dan rakan yang tidak dikenali. Dalam kajian ini, responden diminta untuk menyatakan bilangan rakan dalam Facebook mereka sama ada dikenali dan juga tidak dikenali. Rajah 5 menunjukkan secara purata bilangan rakan yang dikenali dan tidak dikenali dalam laman Facebook mereka.

Rajah 5 : Bilangan Rakan yang Dikenali dan Tidak Dikenali dalam kalangan Responden Lelaki dan Perempuan



Rajah 5 menunjukkan bahawa bagi rakan yang dikenali, responden lelaki dan perempuan mempunyai bilangan rakan dikenali yang hampir sama iaitu 111 orang bagi responden lelaki dan 114 orang bagi responden perempuan. Bagi rakan yang tidak dikenali pula responden lelaki mempunyai lebih ramai rakan (120 orang) berbanding responden perempuan (102 orang). Namun begitu jurang perbezaannya tidak besar.

### **PERBINCANGAN**

Facebook merupakan satu alternatif perhubungan yang mampu membina jaringan masyarakat dunia dalam dunia siber. Penggunaan Facebook kini telah menjadi isu yang diperkatakan sama ada di media elektronik dan media cetak. Kebanyakan berita merujuk kepada kebaikan dan keburukan terhadap penggunaan laman Facebook. Justeru, pengguna Facebook perlu menggunakan laman sosial tersebut secara bijak dan berhemah dengan mematuhi etika penggunaannya bagi mengelakkan diri daripada menjadi mangsa pelbagai pihak yang tidak bertanggungjawab. Perkara ini lebih membimbangkan sekiranya berlaku pada mereka yang masih lagi dibangku sekolah. Kajian oleh Mohd Effendi (2010), Lenhart dan Madden (2007), Watkins dan Lee (2010) dan Rideout et. al (2010) telah menunjukkan ramai responden mereka telah mempunyai akaun Facebook sejak dibangku sekolah lagi. Perkara ini sekiranya tidak dikawal akan melekakan pelajar sehingga menganggu penumpuan mereka di sekolah. Kajian ini juga menunjukkan bahawa pelajar akan melayari responden antara 30 minit hingga 3 jam sehari sama ada waktu persekolahan maupun waktu hujung minggu. Dapatan kajian juga mendapati tidak jauh perbezaan masa yang digunakan untuk akses laman Facebook antara pelajar lelaki dan perempuan dengan rata-rata menggunakan antara 1 – 3 jam sehari. Jumlah masa yang digunakan untuk melayari laman Facebook ini tidak jauh berbeza dengan kajian yang dijalankan oleh Mohd Effendi (2010) yang mendapati pelajar melayari laman Facebook selama 2 jam sehari. Kajian oleh Lenhart dan Madden pula mendapati 74% pelajar akan melayari laman Facebook sekurang-kurangnya sekali sehari. Begitu juga kajian oleh Crepeau (2009) juga menyatakan antara 40% – 50% responden lelaki dan perempuan akan akses laman Facebook beberapa kali. Ini jelas

memberi gambaran bahawa boleh dikatakan pengguna Facebook akan melayari laman tersebut setiap hari dan juga memperuntukkan sejumlah masa yang lama setiap kali mereka akses. Perkara ini perlu dikawal memandangkan pelajar sepatutnya memberi tumpuan untuk mengulangkaji pelajaran dan bukannya menghabiskan kebanyakan masa di laman Facebook.

Setiap pengguna Facebook mempunyai sebab tertentu mengapa mereka begitu taksub dalam menggunakan laman sosial ini. Analisis secara deskriptif menunjukkan bahawa pelajar lelaki menggunakan laman Facebook untuk mendapatkan maklumat dan mencari kenalan baru berbanding dengan pelajar perempuan. Sementara itu, pelajar perempuan menggunakan Facebook untuk berkomunikasi dengan rakan dan ahli keluarga mereka. Dapatan kajian ini menyamai dengan kajian oleh Watkins dan Lee (2010) menunjukkan pelajar perempuan lebih gemar untuk berkomunikasi dengan ahli keluarga melalui Facebook dan memuat naik foto aktiviti keluarga berbanding dengan pelajar lelaki. Namun begitu, kajian ini berbeza dengan dapatan kajian oleh Shen dan Khalifa (2009) mendapati pelajar perempuan menggunakan laman Facebook bagi mencari maklumat dan melibatkan aktiviti dalam Facebook.

Kegemaran pengguna untuk melayari laman Facebook banyak dikaitkan dengan aplikasi yang terdapat di dalamnya. Pelbagai aplikasi yang mampu menarik pengguna Facebook untuk terus akses laman tersebut. Kajian menunjukkan bahawa aktiviti menghantar mesej, menambah kenalan, bersempang dan bermain permainan secara atas talian merupakan aktiviti yang paling kerap dilakukan. Kajian yang dijalankan mendapati bahawa pelajar lelaki lebih kerap menulis komen pada dinding rakan, menambah kenalan baru, membentuk kumpulan, menghantar mesej, bermain permainan, memuat naik video dan bersempang dalam laman Facebook berbanding pelajar perempuan. Pelajar perempuan pula lebih kerap menulis pada dinding sendiri dan mengemaskini profil. Namun begitu, semua aktiviti tersebut tidak signifikan. Kajian yang dijalankan oleh Watkins dan Lee (2010) pula menunjukkan pelajar perempuan lebih gemar untuk memberi komen dalam profil (wall) sendiri, memuat naik foto dalam profil sendiri berbanding lelaki. Sementara itu, lelaki pula lebih gemar memuat naik video dan aktiviti yang berkaitan dengan hiburan. Mempunyai bilangan rakan yang ramai dalam Facebook merupakan satu kebanggaan dalam kalangan pengguna laman sosial tersebut. Pengguna akan berlumba-lumba untuk menambah bilangan rakan akan setanding dengan rakan lain. Dalam kajian ini, secara purata setiap responden (lelaki dan perempuan) mempunyai antara 100 – 200 orang rakan yang dikenali dan juga tidak dikenali. Perbuatan menambah rakan yang tidak mereka kenali sebagai rakan Facebook ini akan membahayakan mereka kerana terdapat kemungkinan pihak tertentu akan mengambil kesempatan ke atas pelajar ini untuk dijadikan mangsa.

## SIMPULAN

Kewujudan laman sosial Facebook telah merubah pemikiran pengguna internet mengenai tujuan penggunaan Internet. Pelajar yang akses laman Facebook secara berlebihan akan memberi implikasi lain terutamanya sekiranya pengguna terlalu obses mengaksesnya. Malahan Dr. Susan Greenfield telah menekankan bahawa mereka yang terlalu obses melayari laman-laman sosial boleh menjelaskan fungsi otak. Pelbagai berita negatif juga boleh dibaca melalui media cetak dan elektronik berkaitan dengan penggunaan Facebook. Seringkali terbaca remaja perempuan lari dari rumah mengikut kenalan yang baru dikenali di Facebook sehingga mereka dirogol dan remaja bunuh diri dan membunuh akibat ketidakpuasan

hati berkaitan penggunaan Facebook. Justeru, penggunaan laman Facebook ini perlu dikawal supaya pengguna tidak terlalu terpengaruh dan seterusnya terjerumus kepada aktiviti tidak sihat. Sebagai ibu bapa, langkah untuk mengehadkan dan mengawasi anak-anak mereka semasa melayari laman Facebook merupakan satu langkah bijak bagi mengelakkan mereka dalam aktiviti kurang sihat. Ibu bapa perlu mengambil berat dan peka tentang sikap dan perubahan fizikal anak yang terlalu gemar menghadap komputer yang boleh menyebabkan mereka hilang fokus dalam pelajaran. Akhir sekali, ibu bapa perlu mengingatkan mereka tentang soal keselamatan, kerahsian maklumat peribadi dan etika penggunaan internet ketika bersosial di laman Facebook.

## **DAFTAR PUSTAKA**

- Adham Shadan. 2008. "Friendster atau Facebook?". *Kosmo*. Diakses daripada <http://www.kosmo.com.my>, August 3.
- Boyd, D. and Ellison, N.B. 2007. "Social Network Sites," *Journal of Computer-Mediated Communication*, 13, 2007, pp. 210-230.
- Crepeau, N.M. 2009. "Facebook Usage": How Often Do Different Types of Users Access Facebook? Retrieve from  
<http://nmc.itdevworks.com/index.php/2009/08/facebook-usage-how-often-do-different-types-of-users-access-facebook/>
- "Gadis Tempatan Dipikat Jadi Keldai Dadah melalui Facebook". 2010.. *Utusan Malaysia*. Diakses daripada <http://www.utusan.com.my>. Disember 3
- Johardy Ibrahim. 2010. "Facebook Hampiri Angka 500 Juta Pengguna". *Utusan Malaysia*. Diakses daripada <http://www.utusan.com.my>. Jun 6
- Internet World Statistics. 2011. *Facebook Users Statistics*. Diakses daripada <http://www.internetworkstats.com/asia.htm>
- Ketagihan Facebook. 2010 Berita Minggu. Diakses daripada <http://www.bharian.com.my> . September 19.
- Lenhart, A., & Madden, M. 2007. "Teens, Privacy, & Online Social Networks". Diakses daripada <http://www.pewinternet.org>. April 18.
- Mohamad Isa Abd Ralip. 2010. Facebook bukan saluran terbaik atasi konflik rumah tangga. *Berita Harian* Diakses daripada <http://www.bharian.com.my>. November 17.
- Mohd Effendi Mohd Matore (2010). Facebook : Fenomena yang membawa ketagihan. Proceedings of Regional Conference on Knowledge Integration in ICT 2010. Diakses dari [http://www.kuis.edu.my/ictconf/proceedings/606\\_integration2010\\_proceedings.pdf](http://www.kuis.edu.my/ictconf/proceedings/606_integration2010_proceedings.pdf)
- Rideout V.J., Foehr, U.G., & Roberts, D.F. 2010. "Generation M<sup>2</sup>: media in the lives of 8-18 year-olds. Kaiser Family Foundation". Diakses daripada <http://www.kff.org/entmedia/upload/8010.pdf>.
- Roblyer, M. D., McDaniel, M., Webb, M., Herman, J., and Whitty, J. V. 2010. "Findings on Facebook in Higher Education: A Comparison of College Faculty and Student Uses and Perceptions of Social Networking Sites". *Journal of Internet and Higher Education*, 13, 134-140.
- Shen, K. N. and Khalifa, M. 2009: "Facebook Usage Among Arabic College Students: Preliminary Findings On Gender Differences. *The 9th International Conference on Electronic Business*, Macau, November 30 - December 4, 2009, 1080-1087.

Tikam Rakan akibat Ejekan dalam Facebook. 2010. *Berita Harian* Diakses daripada <http://www.bharian.com.my>. Oktober 7.

Watkins, S.G, & Lee, H.E. 2010. “Got Facebook? A New Study Examines the World’s Biggest Social Network”. Diakses daripada <http://www.theyoungandthedigital.com/>. November 18.